



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KAJIAN TINJAUAN PROGRAM MAJU DIRI (PMD):  
HUBUNGAN ANTARA FAKTOR JANTINA DAN KEPUTUSAN  
PEPERIKSAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR 1998)  
TERHADAP PENCAPAIAN MOTNASI DIKALANGAN  
PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN SERI GOMBAK, GOMBAK  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**AZEMI BIN SHAARI**

**FPP 1999 40**

**KAJIAN TINJAUAN PROGRAM MAJU DIRI (PMD): HUBUNGAN ANTARA  
FAKTOR JANTINA DAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN  
MENENGAH RENDAH (PMR 1998) TERHADAP PENCAPAIAN MOTIVASI  
DIKALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN SERI GOMBAK, GOMBAK SELANGOR DARUL EHSAN**

**oleh**

**AZEMI BIN SHAARI**

**MASTER SAINS  
FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1999**



**KAJIAN TINJAUAN PROGRAM MAJU DIRI (PMD): HUBUNGAN ANTARA  
FAKTOR JANTINA DAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN  
MENENGAH RENDAH (PMR 1998) TERHADAP PENCAPAIAN MOTIVASI  
DIKALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN SERI GOMBAK, GOMBAK SELANGOR DARUL EHSAN**

**OLEH;**

**Azemi bin Shaari**

**Projek yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat  
bagi mendapatkan ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Mei1999**

## **PENGHARGAAN**

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG**

**Segala puji bagi Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-nya dapat saya menyiapkan kertas ilmiah ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat**

**Dr. Mohamed Fadzil Che Din selaku penyelia yang sentiasa memberi sokongan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kertas ilmiah ini.**

**Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan buat Unit Pembangunan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak, guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan kerja kursus ini.**

**Terima kasih juga diucapkan buat semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah memdidik dan memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian.**

**Akhir sekali kepada semua teman-teman yang sentiasa terlibat secara langsung, mahupun tidak langsung dalam menjayakan projek ini, terima kasih saya ucapkan.**

**Wassalam**

**Azemi Shaari  
Master Sains (Kaunseling)  
Universiti Putra Malaysia**

## **ISI KANDUNGAN**

### **BAB**

**SENARAI JADUAL  
SENARAI RAJAH  
SENARAI SINGKATAN  
ABSTRAK**

#### **1      PENGENALAN**

Latarbelakang kajian.....	1
Pendekatan Teori .....	8
Pernyataan Masalah .....	21
Tujuan Kajian .....	22
Kepentingan Kajian .....	23
Definisi Konseptual Dan Operational.....	24
Hipotesis Kajian .....	29

#### **II      KAJIAN LEPAS**

Kajian Dalam Negara.....	30
Kajian Luar Negara.....	34
Kesimpulan .....	39

#### **III      METODOLOGI**

Pengenalan .....	40
Reka Bentuk Kajian .....	41
Alat Kajian .....	42

<b>Program Maju Diri .....</b>	<b>47</b>
<b>Skop dan Had Kajian .....</b>	<b>54</b>
<b>Subjek Kajian .....</b>	<b>59</b>
<b>Penganalisan Data .....</b>	<b>61</b>
<b>Masalah Kajian .....</b>	<b>61</b>

#### **IV            PENGANALISIAN DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

<b>Pengenalan .....</b>	<b>64</b>
<b>Penganalisan Data .....</b>	<b>65</b>
<b>Bahagian A .....</b>	<b>66</b>
<b>Bahagian B .....</b>	<b>68</b>
<b>Rumusan .....</b>	<b>76</b>

#### **V            IMPLIKASI DAN CADANGAN**

<b>Pengenalan .....</b>	<b>78</b>
<b>Rumusan dan Keseluruhan .....</b>	<b>79</b>
<b>Cadangan.....</b>	<b>91</b>
<b>Kesimpulan dan Penutup .....</b>	<b>92</b>

#### **BIBLIOGRAFI**

#### **LAMPIRAN**

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
<b>1. Pembahagian Item-Item Mengikut Alat Ukuran UPM</b>	<b>43</b>
<b>2. Cara Permarkahan Ukuran Ujian Pencapaian Masalah</b>	<b>44</b>
<b>3. Jadual Contoh Permarkahan Ujian Pencapaian Mehrabian</b>	<b>45</b>
<b>4. Data Demografi Responden Kajian Yang Diperolehi</b>	<b>49</b>
<b>5. Taburan Kekerapan Subjek Mengikut Jantina</b>	<b>57</b>
<b>6. Taburan Kekerapan Kaum Responden</b>	<b>58</b>
<b>7. Taburan Kekerapan Subjek Mengikut Pencapaian Bilangan 'A' Yang Diperolehi Dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah .</b>	<b>59</b>
<b>8. Keputusan Pra Ujian Pencapaian Motivasi Mehrabian Keseluruhan.</b>	<b>61</b>
<b>9. Peningkatan Skor Di Antara Pra Ujian Dengan Pasca Ujian Pencapaian Motivasi Program Maju Diri.</b>	<b>62</b>
<b>10.Peningkatan Skor Antara Pra Ujian Dan Pasca Ujian Pelajar Lelaki Dengan Pencapaian Motivasi.</b>	<b>64</b>
<b>11.Peningkatan Skor Antara Skor Pra Ujian Pasca ujian Pelajar Perempuan bagi Pencapaian Motivasi</b>	<b>65</b>
<b>12.Ringkasan Perbezaan ANOVA Sehalu Aspek Jantina Dengan Pencapaian Motivasi Subjek</b>	<b>67</b>
<b>13.Keputusan Uji Hipotesis</b>	<b>69</b>

## **RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Rajah:</b>		
<b>Rajah a</b>	<b>Bagaimana Kajian Pelaksanaan Program Maju Diri</b>	<b>6</b>
<b>Rajah b</b>	<b>Arah Pergerakan Kepeluan Manusia Dalam Hierarki Maslow</b>	<b>14</b>
<b>Rajah c</b>	<b>Teori Motivasi Harapan Oleh Vroom</b>	<b>15</b>
<b>Rajah d</b>	<b>Carta Dan Graf Demografi Responden</b>	<b>50</b>



## **SENARAI SINGKATAN**

<b>C.I.P.P</b>	<b>Konteks, Input, Hasil dan Proses</b>
<b>GPA</b>	<b>Grade Point Average</b>
<b>JPNSDE</b>	<b>Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Darul Ehsan</b>
<b>PMD</b>	<b>Program Maju Diri</b>
<b>PMR</b>	<b>Penilaian Menengah Rendah</b>
<b>SPM</b>	<b>Sijil Pelajaran Malaysia</b>
<b>SMKSG</b>	<b>Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak</b>
<b>TAT</b>	<b>Thematic Apperception Test</b>
<b>UKM</b>	<b>Universiti Kebangsaan Malaysia</b>
<b>UPM</b>	<b>Ujian Pencapaian Mehrabian</b>
<b>UPSR</b>	<b>Ujian Penilaian Sekolah Rendah</b>

## **ABSTRAK**

Abstraks projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**KAJIAN TINJAUAN PROGRAM MAJU DIRI (PMD):  
HUBUNGAN ANTARA FAKTOR JANTINA DAN KEPUTUSAN  
PEPERIKSAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR 1998) TERHADAP  
PENCAPAIAN MOTIVASI DIKALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI GOMBAK, GOMBAK,  
SELANGOR D.EHSAN**

Oleh

**Azemi bin Shaari  
Mei 1999**

Penyelia : Mohamed Fadzil Che Din , Phd

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan dan pencapaian motivasi dengan menggunakan modul Program Maju Diri (PMD) yang telah dibentuk oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Sasaran kajian, adalah dikalangan semua pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak, Gombak, Selangor. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah '*true experimental*' menggunakan rekabentuk pra ujian dan pasca ujian. Subjek kajian terdiri daripada dua ratus tiga (203 ) orang pelajar tingkatan empat Sekolah

**Menengah Kebangsaan Seri Gombak yang telah mengikuti Program Maju Diri pada bulan Januari 1999.**

**Subjek kajian di uji sebelum mengikuti program PMD dan di uji kembali setelah mengikuti program PMD. Alat kajian yang digunakan ialah ukuran Pencapaian Mehrabian (UPM) yang telah di uji kesahan dan memperlihatkan kebolehpercayaannya. Data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah pemeratusan, ujian t dua hala dan ANOVA satu hala. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pra dan pasca skor ujian pada aspek pencapaian motivasi pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Seri Gombak pada aras keertian 0.5 . Ini menunjukkan bahawa Modul Program Maju Diri (PMD) yang telah dikendalikan ke atas pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak mempunyai pengaruh kepada peningkatan pencapaian motivasi. Faktor extranus dan implikasi turut diperbincangkan.**

## **ABSTRACT**

Abstract of projek presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**KAJIAN TINJAUAN PROGRAM MAJU DIRI (PMD):  
HUBUNGAN ANTARA FAKTOR JANTINA DAN KEPUTUSAN  
PEPERIKSAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR 1998)  
TERHADAP PENCAPAIAN MOTIVASI DIKALANGAN PELAJAR TINGKATAN  
EMPAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI GOMBAK, GOMBAK ,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

By

Azemi bin Shaari

Mei 1999

Supervisor : Mohamed Fadzil Che Din, Phd

Faculty : Educational Studies

The purpose of this study is to determine the effectiveness of the Program Maju Diri (PMD) module designed by Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Study was conducted amongst student from Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak, Gombak, Selangor. True experimental design using pre test and post test were employed in this study. The subjects of this study were amongst two hundreds and three (203) form four (4) students from Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak, Gombak, Selangor .

All the students (subjects) involved in this program (PMD) were given pre test before their motivational courses known as Program Maju Diri (PMD). They were then given the post test after participating in the PMD program. The instrument

used in this study was Mehrabian Achievement Scale which have been proven to be valid and reliable in Malaysian setting. The collected data were analysed using percentage mode, two sample dependent t test and one way analysis of variance (ANOVA). The result showed that the PMD programme was effective in increasing the motivational achievement amongst form four students at Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak. Result showed an increased score as between the pre and post tests at 0.5 significant level. The extraneous factors and the implication of the research also discuss.

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

Keberkesanan individu dalam menjalankan sesuatu tugas boleh dimaksimumkan, dan ia hanya boleh dicapai sekiranya individu terlibat dapat dimotivasikan. Motivasi bukan sesuatu perkara yang mudah dilakukan. Ia melibatkan hubungan asas yang dibentuk dan di bina di dalam struktur organisasi. Dalam konteks pelajar, sekolah merupakan organisasi yang memainkan peranan memotivasikan mereka.

Motivasi ialah kemahuan, kehendak, keinginan untuk melakukan sesuatu dengan baik. Mengikut takrifan psikologi, motivasi ialah pembolehubah yang digunakan untuk menerangkan tentang faktor dalam organisma yang membangkitkan, mengekalkan dan mengarahkan tingkahlaku ke arah sesuatu matlamat ( Chaplin 1985, dalam Sabitha Marican et al 1995). Menurut Atkinson (1978) tingkah laku yang beroreintasikan matlamat tertentu terutamanya oleh dua faktor, iaitu jangkaan bahawa sesuatu perlakuan akan menuju kepada matlamat dan kedua , nilai insentif matlamat itu.

Mengikut McClelland (1961), motivasi pencapaian melibatkan proses desakan dalaman sejak lahir yang berlaku di kalangan individu dengan matlamat bagi mendapatkan kepuasan dan berjaya di dalam aktiviti perseorangan.

Perbincangan mengenai pencapaian motivasi juga harus melihat aspek personal yang terlibat. Contohnya di Malaysia dewasa ini, program motivasi bagaikan sinonim dengan perkataan kaunseling, lebih tepat lagi kaunselor

banyak dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program motivasi, khususnya untuk para pelajar. Kenapa jadi demikian? Majoriti kerjaya kaunselor di Malaysia tertumpu di pusat akademik, seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Setiap program motivasi berteraskan bimbingan. Menurut Shertzer B. et. al (1992) bimbingan sebagai sesuatu yang serupa dengan pendidikan. Beliau menyatakan bahawa kaunselor sekolah ialah orang yang utama sepatutnya memberi bimbingan yang komited secara peribadi kerana mereka terlatih secara profesional. Oleh itu memotivasikan pelajar bermula dari bimbingan dan seterusnya kepada pendekatan psikologikal yang lebih rumit. Suasana ini meletakkan peranan kaunselor dalam program motivasi amat diperlukan. Penggabungjalinan kemahiran kaunseling dan pengalaman sebagai guru amat berharga dalam menjayakan program motivasi. Dengan penglibatan kaunselor dalam program motivasi memperlihatkan kemantapan program tersebut, khususnya dalam hal yang melibatkan psikologi.

Bagaimana pula peranan dan tanggungjawab kaunselor atau bukan kaunselor dalam melaksanakan program kaunseling dari sudut perundangan yang merujuk kepada Akta Kaunselor Malaysia 1998 (Akta 580)? Berdasarkan kepada definisi motivasi, ia tidak mempamirkan sebarang pertunjuk bahawa motivasi itu kaunseling. Motivasi lebih didefinisikan sebagai program untuk memotivasikan seseorang atau sekelompok manusia agar meningkat produktiviti, pencapaian dan lain-lain lagi berasaskan matlamat sesuatu program. Tidak salah kalau program motivasi yang dilaksana, dikelola atau direncanakan ataupun ditakbirkan

oleh bukan kaunselor. Ini kerana mengikut Akta Kaunselor 1998, jelas menyatakan:

**“Tiada seorang pun boleh;  
mengamalkan atau menjalankan atau mengendalikan, atau  
mengemukakan dirinya sebagai mengamalkan atau menjalankan atau  
mengendalikan, amalan sebagai kaunselor atau bekerja sebagai  
kaunselor”**

**Akta Kaunselor MALaysia (1998) No.23 m.s 17-18**

Manakala pengertian kaunseling dalam Akta Kaunselor (1998) menerangkan

**“Kaunseling ertinya suatu proses sistematik untuk membantu  
perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang  
dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling  
untuk mencapai suatu perubahan kemajuan dan penyesuaian yang  
holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan,  
kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat  
klien;”**

**Akta kaunselor Malaysia (1998) m.s 8**

Pada asasnya motivasi tidak melibatkan kaunseling tetapi jika dianalisis dan dibahas, peranan program motivasi, peranan kaunselor dan bukan kaunselor berasaskan Akta Kaunselor 1998, perlu satu penelitian dan perbahasan yang mendalam.



Kajian ini turut melihat pencapaian motivasi, dari aspek konsep sendiri pelajar, seperti mana McGuire dan Lyons (1985) menyatakan, masalah pencapaian pelajar khususnya dalam akademik dikaitkan dengan beberapa tingkah laku yang terganggu, berpunca dari beberapa faktor dalaman individu pelajar berkenaan. Antara faktor tersebut ialah rasa kekecewaan dan kebosanan yang dialami oleh pelajar. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih mudah terleka dan terganggu.

Manakala Bleur (1989) melihat punca hilang motivasi antara punca berlakunya kemerosotan akademik di kalangan pelajar adalah disebabkan kurangnya perhatian dari orang-orang yang penting dalam kehidupan pelajar berkenaan. Orang-orang itu termasuk ibu bapa, ahli-ahli keluarga terdekat, para pendidik yang terlibat. Kurang atau tidak adanya perhatian yang wajar dari mereka boleh menghalang pencapaian motivasi pelajar, khususnya terhadap aspek penghormatan dan keyakinan sendiri. Ini boleh mendorong pelajar untuk menunjukkan tingkah laku yang tidak sihat, dan seterusnya hilang motivasi yang boleh menyebabkan masalah kepada dirinya dan orang lain.

Menurut kajian yang di buat oleh Metcalfe (1981), mendapati pelajar yang tinggi konsep kendirinya akan menunjukkan sikap yang positif dan sentiasa tinggi pencapaian motivasinya. Begitu juga sebaliknya pelajar yang rendah konsep kendirinya sering menunjukkan sikap yang negatif dan rendah pencapaian motivasinya.

PMD adalah singkatan daripada Program Maju Diri yang bermula pada tahun 1993 dengan kewujudan modul Tingkatan satu (Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor 1999). PMD merupakan satu-satunya modul khas

yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNSDE) bertujuan supaya pelajar lebih bersedia menghadapi suasana baru pembelajaran yang sering berbeza-beza. Persediaan awal yang mantap dari segi emosi, mental dan fizikal secara seimbang amat perlu dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang seperti yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Menurut maklumat dari Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNSDE), PMD bermula dengan komponen asal iaitu Pendekatan Insan Cemerlang (PIC - Pendekatan Kemahiran Belajar), Pendekatan Cahaya Iman (PCI- Pendekatan Agama Islam) dan Pendekatan Nilai Murni ( PNM- Pendekatan Nilai Moral), masih diteruskan hingga sekarang oleh sekolah-sekolah menengah di seluruh Negeri Selangor. Kini Modul Kemahiran Belajar Tingkatan Empat (4) lebih memberi penekanan menghadapi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2020 dan seterusnya memberi pengetahuan cara mengikuti Program IPTA / IPTS atau memenuhi alam pekerjaan.

Dalam Modul Kemahiran Belajar ini pelajar Tingkatan 4 akan didedahkan kepada Ujian Psikologi Personaliti. Mereka juga dibimbing ke arah menyediakan diri dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan untuk melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran.

Kesimpulan yang boleh diperkatakan ialah individu yang mempunyai pencapaian motivasi tinggi mempunyai kecenderungan untuk mencapai matlamat yang diinginkan serta berusaha untuk mencapai kepuasan melalui pelbagai cara. Untuk memotivasikan pelajar khususnya di alam persekolahan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor menetapkan satu modul yang dikenali sebagai

**Program Maju Diri.** Dalam modul ini terdapat pelbagai elemen yang dirancang untuk memotivasikan pelajar. Pengkaji merasakan amat sesuai dan berfaedah untuk mengkaji pencapaian program ini, kerana ia melibatkan keseluruhan pelajar di negeri Selangor Darul Ehsan.

**Rajah (a) Bagaimana Kajian Pelaksanaan Program Maju Diri dilaksanakan**

<b>Sample Pra Ujian Menjawab Ujian Pencapaian Motivasi Mehrabian</b>	<b>Di beri Program Motivasi (Modul PMD dari Jab. Pendidikan Negeri Selangor</b>	<b>Sample Pasca Ujian Menjawab Ujian Pencapaian Motivasi Mehrabian</b>	<b>Di nilai dan dikira dan di analisis</b>
<b>Peringkat 1</b>  <b>230 orang</b>  <b>Hari Pertama</b>	<b>Peringkat 2</b>  <b>230 orang</b>  <b>Hari kedua, ketiga dan Ke empat</b>	<b>Peringkat 3</b>  <b>230 orang</b>  <b>Hari Kelima</b>	<b>Peringkat 3</b>  <b>230 borang UPM</b>

## **PENDEKATAN TEORI**

Teori klasik Freud dan Adler dalam Gellerman (1984) menjadi garis panduan asas kajian ini bersama teori Atkinson (1965) dan McClelland (1976).

Manakala Teori Heirarki Maslow dan Teori Harapan oleh Vroom (1964) menjadi asas kajian faktor motivasi.

### **Teori Klasik Freud Dan Adlerian**

Freud menekankan pentingnya pengalaman awal seorang anak dalam dunia pembesarannya, yang akan membentuk keperibadian dewasanya nanti. Setiap orang, dalam setiap saat hidupnya, merupakan hasil dari segala peristiwa dan pertemuan yang dialaminya pada masa lalu. Freud berpendapat bahawa pengalaman-pengalaman paling awal sangat besar pengaruhnya bagi kehidupan seterusnya nanti. Freud menyatakan bahawa individu yang tertekan emosi semasa kanak-kanaknya, akan gagal mengarahkan diri pada kehidupan akan datang. Kanak-kanak terus berkembang menjadi dewasa, yang mana zaman kanak-kanaknya memberi kesan kepada pencapaian motivasi hidupnya kemudian hari. Freud berpendapat bahawa segala rintangan dan halangan yang dialami oleh kanak-kanak akan membentuk satu sikap yang melekat (sehati) dengan setiap cabaran dan pengalaman pahit yang telah mereka lalui. Perkembangan negatif yang di alami semasa zaman kanak-kanak akan membentuk kekurangan watak positif semasa dewasa. Kecacatan kecil itu adalah seperti suka berdendam, terlalu mudah putus asa dan sikap tidak

bertanggungjawab. Freud juga memperkatakan bahawa proses identifikasi, dimana anak mencuba membentuk dirinya sesuai dengan pola orang tua yang sejenis kelamin dengannya. Oleh itu, seseorang anak lelaki akan cenderung mengambil alih sikap, perilaku dan kebiasaan-kebiasaan ayahnya.

Adler dan Freud berpendapat gaya hidup seseorang secara lahiriah telah ditentukan sejak kecil oleh pengalaman anak itu dalam hubungannya dengan orang-orang dewasa semasa kecilnya. Pada umur lima tahun atau sekitarnya anak dikatakan boleh mengembangkan keyakinan yang luas terhadap orang-orang lain.

Suasana zaman kanak-kanak, boleh membentuk sikap dan personaliti remaja dan seterusnya hingga ke dewasa, yang boleh atau mampu mempengaruhi pencapaian motivasi. Kanak-kanak yang tertekan, ditindas dan didera semasa kecilnya membentuk sikap negatif apabila dewasa. Ini boleh menghalang pencapaian motivasi mereka bila dewasa dengan pembentukan tingkahlaku seperti tamak, panas baran dan lain-lain personaliti yang negatif.

### **Teori Atkinson (1965) dan McClelland (1976).**

Atkinson (1965), telah menunjukkan bahawa kecenderungan untuk mencapai kejayaan ini ialah satu jenis motivasi yang dipelajari. Ini bererti seseorang itu mungkin mendekati sesuatu tugas dengan penuh semangat dan tenaga untuk mengecapi kejayaan atau dia mungkin berusaha mengelakkan diri untuk menghindari sebarang kegagalan. Menurut Atkinson lagi, individu yang mempunyai motif untuk mencapai kejayaan akan tertarik kepada tugas yang mana keberangskalian sama ada kejayaan atau kegagalan ialah lima puluh peratus sahaja (50:50) dan nilai insentifnya tinggi. Sebaliknya pula, individu yang didorong untuk mengelakkan kegagalan, akan menjauhi tugas di peringkat kesukaran ini.

McClelland (1976), mendapati bahawa keperluan individu kepada pencapaian adalah didasarkan kepada desakan motivasi yang kuat. Motif pencapaian dikatakan mengarah individu untuk mencari situasi yang menyediakan cabaran yang sederhana dan berkemahiran, melaksanakan tugas dengan baik dan mempunyai keyakinan yang kuat kepada kejayaan.

McClelland menjelaskan bahawa motif pencapaian ini merupakan satu ciri dan sifat individu yang agak stabil. Orang yang sentiasa ingin mencapai sesuatu itu akan memaparkan sifat-sifat yang berlainan daripada individu yang kurang inginkan pencapaian. Seseengah individu lebih berjaya daripada individu lain kerana mereka mempunyai keinginan pencapaian yang lebih tinggi seterusnya memberi mereka motivasi yang lebih tinggi.

Individu yang mempunyai keinginan pencapaian yang tinggi ini mempunyai sifat-sifat tertentu. Antara lain ialah mereka tekun bekerja, tabah hati, suka bekerja dengan orang yang dapat memberi sumbangan yang sempurna, sering menetapkan tahap atau piawai pencapaian yang berjaya, menumpukan perhatian pada masa hadapan, tidak mengambil kira tentang nasib, jarang sekali mengambil risiko yang tinggi dan mereka ini amat bertanggungjawab (Mc Clelland 1961, Raynor 1982, Arkinson 1983).

Teori motivasi pencapaian yang dihasilkan oleh Akinson dan Mc Clelland, menerangkan tentang kecenderungan untuk menghasilkan satu tugas pencapaian ( $T_a$ ) dalam bentuk dua faktor motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan ( $M_s$ ) dan motif untuk mengelakkan kegagalan ( $M_f$ ) dan empat faktor situasi. Kemungkinan untuk berjaya dan gagal ( $P_s$  dan  $P_f$ ) dan insentif-insentif untuk berjaya dan gagal ( $I_s$  dan  $I_f$ ) yang dapat meringankan perhubungan di antara faktor-faktor tersebut seperti berikut:

$$T_a = (M_s \times P_s \times I_s) - (M_f \times P_f \times I_f)$$

Pencapaian = kejayaan dan kegagalan

Motif untuk mencapai kejayaan didefinisikan sebagai satu kejayaan untuk bertindak balas dengan rasa bangga terhadap sesuatu pencapaian. Manakala motif untuk mengelak kegagalan perlu didefinisikan sebagai keupayaan untuk bertindak balas dengan rasa malu apabila hasil sesuatu perkara adalah gagal. Keberangskalian kejayaan dilihat oleh Atkinson sebagai satu anggaran subjektif



kemungkinan untuk berjaya pada setiap tugas yang diamanahkan. Perasaan megah dan bangga akan wujud apabila individu itu berjaya dalam satu tugas yang sukar berbanding dengan tugas yang mudah.

$$I_s = (1 - P_s)$$

I = Insentif

1 = Megah dan bangga

P = Tugas

Perasaan malu akan wujud apabila gagal dalam tugas yang mudah berbanding dengan tugas yang sukar.

$$I_s = (1 - P_s)$$

I = Insentif

1 = Perasaan malu

P = Tugas

Apabila andaian - andaian ini digantikan ke dalam persamaan, maka akan didapati:

$$T_a = (M_s - M_f) \times P_s (1 - P_s)$$

Atkinson mengemukakan model mengatasi rintangan yang berhubungan dengan aras kehendak atau pilihan perlakuan. Atkinson menganggap bahawa seseorang individu yang berada di dalam situasi konflik, yang mana ia